



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM



eBULETIN

BIL. 2/2025


APRIL - JUN

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644



**PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI KE-31 ANJURAN
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DENGAN KERJASAMA
MAJLIS DEBAT UNIVERSITI (MADUM) YANG BERLANGSUNG
DI UNIVERSITI PETRONAS MALAYSIA (UTP)**



JABATAN ALAM SEKITAR



Kumpulan Editorial



PENASIHAT

**Haji Shafe'ee
bin Yasin**



KETUA EDITOR

**Hajah Azuri
Azizah binti
Haji Saedon**



EDITOR

**Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim**



EDITOR

**Zainirul Ailis
binti Mustafa**

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

APRIL 2025

PERASMIAN KURSUS ASAS PEGAWAI BAHARU JAS 2025 BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PKAS GRED C9)	4-5
MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 1/2025	6-7
PERKUKUH KERJASAMA PELBAGAI PIHAK DALAM MENANGANI ISU SUNGAI SEGALIUD	8
SAMBUTAN HARI BUMI "OUR POWER, OUR PLANET" JABATAN ALAM SEKITAR BERJAYA	9
MENCATAT SEJARAH DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS	9
PENGANJURAN BENGKEL HANDS ON EKAS BAGI MODUL PENILAIAN BERTERUSAN JURURUNDING EIA DAN JURUAUDIT ALAM SEKITAR	10

MEI 2025

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JABATAN ALAM SEKITAR 2024	11
BENGKEL PEMURNIAN BAGI CADANGAN PINDAAN PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN)(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX	12
SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK JAS KEPADA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) KELANTAN	13
KUNJUNGAN HORMAT	13
JABATAN ALAM SEKITAR KEPADA Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia	14
PROGRAM PENGUKUHAN KEMAHIRAN PASUKAN SCUBA JAS	15
JABATAN ALAM SEKITAR KOMITED BANTERAS KEMASUKAN E-WASTE KE DALAM NEGARA	16-17
PROGRAM BICARA BERSAMA PENULIS SEMPERNA JOM BACA 10 MINIT DAN SAMBUTAN HARI IBU TAHUN 2025	18
PERASMIAN PEJABAT	18
JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN Pengerang dan Pasir Gudang	19
PERASMIAN PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN KLUANG	20
PELUNCURAN PROGRAM KAMPUS LESTARI JABATAN ALAM SEKITAR MENYASARKAN KETERLIBATAN IPT SELURUH MALAYSIA	21
SESI LIBAT URUS PROGRAM KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON UTARA DAN MAJLIS PELUNCURAN KLAAS	22

JUN 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP) BILANGAN 1 TAHUN 2025	23
BENGKEL PANEL HAKIM PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KE-31 TAHUN 2025	24
MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL 2/2025	25
PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI KE-31	26-27

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS

28-32

WORD PUZZLE

33

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Syukur ke hadrat Allah SWT, buletin edisi kedua bagi tahun 2025 ini dapat diterbitkan sebagai catatan berharga yang merangkumi usaha, pencapaian dan kerjasama strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) sepanjang suku kedua tahun ini.

Tempoh ini menyaksikan Jabatan terus proaktif menangani isu-isu kritikal seperti kemasukan e-waste ke dalam negara dan pencemaran sumber air, di samping memperkukuh kesiapsiagaan melalui pelaksanaan Mesyuarat MEXCOE, latihan teknikal dan Pembangunan modal insan serta penambahbaikan prasarana di lapangan. Kejayaan kita menahan dan memulangkan semula kontena e-waste dari luar negara, serta inisiatif JAS dalam menyelaraskan pelaksanaan Konvensyen Basel adalah bukti komitmen kita dalam menjaga sempadan negara daripada menjadi tapak lambakan buangan berbahaya.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran program-program CEPA utama seperti Sambutan Hari Bumi serta peluncuran Program Kampus Lestari (KLAAS) yang mengetengahkan peranan mahasiswa sebagai pemangkin perubahan. Penyertaan aktif pelbagai pihak dalam Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT Ke-31 turut mencerminkan satu bentuk pendidikan dan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar di peringkat Masyarakat umum.

Buletin ini merakam bukan sekadar catatan aktiviti dan program yang dilaksanakan, tetapi mencerminkan budaya kerja JAS — pantas bertindak, tangkas beradaptasi, dan sentiasa menambah nilai kepada masyarakat.

Kepada semua warga JAS yang sentiasa komited di barisan hadapan mahupun di sebalik tabir, saya mengucapkan terima kasih. Teruslah berbakti dengan semangat yang jitu.

Semoga usaha kita semua terus diberkati dan memberikan impak jangka panjang kepada kesejahteraan rakyat dan kelestarian Malaysia.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Malaysia Madani”

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar
Julai 2025



PERASMIAN KURSUS ASAS PEGAWAI BAHARU JAS 2025 BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PKAS GRED C9)



5 APRIL 2025, BANGI - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar hari ini telah merasmikan kursus asas yang melibatkan 29 orang pegawai Baharu PKAS Gred C9. Antara lain KPAS turut menekankan berhubung kepentingan semua pegawai baru memperkasakan pengetahuan berhubung keperluan Modul-modul yang telah dibangunkan oleh EiMAS ini dalam membantu sebagai asas pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi pemimpin teknikal dan pengurusan yang berkualiti.



**MADANI
BEKERJA**

INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)



Pegawai-pegawai Baharu ini akan menerima dua (2) sijil kehadiran dan tiga (3) sijil kompetensi setelah menamatkan kursus 3 bulan ini. Sijil-sijil yang akan diterima:

- i. Sijil Kursus Asas Pegawai Baharu;
- ii. Sijil Kursus Asas Kawad;
- iii. Sijil Kompetensi Protokol Persampelan Buangan Terjadual;
- iv. Sijil Kompetensi Protokol Persampelan, Pengawetan dan Pengendalian Sampel Efluen bagi Tujuan Penguatkuasaan; dan
- v. Sijil Kursus Kompetensi Penguji Ujian Asap Kenderaan (Diesel, Petrol & Bunyi Bising).

Turut hadir semasa program hari ini adalah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr. Norhazni Binti Mat Sari dan Yang Berusaha, Tuan Haji Shafe'ee Bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dengan diiringi oleh Pengarah EiMAS, Tuan Haji Salahudin Bin Sidik.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 1/2025



17 APRIL 2025, PUTRAJAYA - Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bil. 1/2025 telah dipengerusikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Mesyuarat MEXCOE tersebut juga dihadiri oleh Menteri-menteri dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi portfolio alam sekitar dari seluruh negara, serta pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan alam sekitar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Kehadiran Jabatan Alam Sekitar (JAS), Ibu Pejabat ke Mesyuarat MEXCOE Bil. 1/2025 diketuai oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, dan disertai oleh Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Tuan Haji Shae'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai dari Bahagian Komunikasi Strategik, Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Bahan Berbahaya.





Dalam Mesyuarat MEXCOE ini, JAS telah membentangkan dua (2) kertas pembentangan, di mana Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah membentangkan Kertas Pertimbangan bertajuk “Operasi Penguatkuasaan ke atas Premis yang Menjalankan Aktiviti Pemprosesan e-Waste Secara Haram di Malaysia”. Kertas ini bertujuan memastikan tindakan tegas diambil terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan e-waste secara haram di negeri masing-masing berikutan peningkatan aktiviti pemprosesan e-waste secara haram di negara ini akibat kemasukan e-waste secara haram dari luar negara. Oleh itu, kerjasama daripada Kerajaan Negeri adalah amat penting bagi membantu Malaysia membanteras aktiviti ini.

Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar (JAS) membentangkan kertas makluman mengenai “Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2025 (HASN 2025)”. Kertas makluman ini menyeru Kerajaan Negeri menjadikan HASN 2025 sebagai program utama dalam usaha mengekalkan komitmen berterusan terhadap kelestarian alam sekitar. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan memupuk budaya sayangi alam sekitar selaras dengan tema HASN 2025 “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”.

HASN 2025 peringkat kebangsaan akan diadakan pada 23-25 Oktober 2025, di Kelantan. Di mana acara kemuncak perasmian pada 25 Oktober 2025 akan disempurnakan oleh DYMM Sultan Kelantan. Sementara itu, sambutan HASN 2025 peringkat negeri akan berlangsung dari 25-31 Oktober 2025.

Diharapkan mesyuarat MEXCOE ini akan terus memperkukuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.



PERKUKUH KERJASAMA PELBAGAI PIHAK DALAM MENANGANI ISU SUNGAI SEGALIUD

20 APRIL 2025, SABAH - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan satu Sesi Libat Urus dan Dialog bersama Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii yang turut melibatkan penyertaan penduduk setempat serta wakil-wakil agensi kerajaan di Sandakan, Sabah.

Sesi ini turut disertai oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, dan merupakan satu pendekatan bersepadu pelbagai agensi bagi menangani aduan berkaitan isu pencemaran Sungai Segaliud sumber utama air terawat yang membekalkan keperluan lebih 320,000 penduduk di kawasan Sandakan.

Selain sesi dialog, YB Timbalan Menteri juga telah melakukan tinjauan ke kawasan sekitar kilang berhampiran serta melawat Loji Rawatan Air Segaliud bagi melihat secara lebih dekat pengoperasian loji tersebut serta menerima penerangan daripada pihak berkenaan.

Jabatan Alam Sekitar kekal komited dalam melaksanakan fungsi dan peranannya untuk memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Tindakan tegas di bawah peruntukan undang-undang ini akan diambil terhadap mana-mana premis yang didapati mencemarkan alam sekitar.

SAMBUTAN HARI BUMI “OUR POWER, OUR PLANET” JABATAN ALAM SEKITAR BERJAYA MENCATAT SEJARAH DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS

22 APRIL 2025, SABAH - Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April 2025 membawa tema Our Power, Our Planet, menekankan bahawa setiap individu mempunyai kuasa dan peranan dalam mencipta perubahan positif terhadap alam sekitar. Setiap tindakan, sama ada kecil mahupun besar, mampu memberikan impak yang bermakna sekiranya dilakukan dengan kesedaran dan rasa tanggungjawab.



Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, turut hadir mengiringi Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, dalam majlis Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sabah yang telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri. Majlis tersebut telah diadakan di Pusat Kokurikulum Sabah, Kem Melanggang, Kiulu, Tuaran, dan merupakan antara inisiatif berterusan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran, dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tuaran, Jabatan Alam Sekitar (JAS), serta pelbagai agensi kerajaan dan swasta, telah menganjurkan sambutan Hari Bumi 2025 peringkat daerah Tuaran.

Inisiatif ini melibatkan penyertaan sebanyak 85 buah sekolah di seluruh daerah Tuaran, yang telah melaksanakan program penanaman serentak sebanyak 8,800 anak pokok Liposu (*Baccaurea lanceolata*). Usaha ini bukan sahaja bertujuan menyemai kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kalangan generasi muda, malah turut mencatat sejarah apabila berjaya meraih dua rekod dalam Malaysia Book of Records, masing-masing di bawah Jabatan Alam Sekitar Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran. Program ini juga merupakan sebahagian daripada sokongan terhadap Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021–2025, selaras dengan agenda negara untuk memperkukuh kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan masa depan.



PENGANJURAN BENGKEL HANDS ON EKAS BAGI MODUL PENILAIAN BERTERUSAN JURURUNDING EIA DAN JURUAUDIT ALAM SEKITAR

30 APRIL 2025, BANGI – Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat telah menganjurkan Bengkel Hands On eKAS Bagi Modul Penilaian Berterusan Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar bertempat di Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), Bangi pada 28 hingga 29 April 2025.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan latihan kepada pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri berkaitan tatacara melaksanakan penilaian berterusan prestasi Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar dengan menggunakan sistem eKAS dengan lebih baik. Latihan tersebut telah dikendalikan oleh Seksyen Kompetensi, Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Bengkel ini telah dihadiri seramai 31 orang peserta dari Bahagian Penguatkuasa, JAS Ibu Pejabat dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri. Adalah diharapkan dengan latihan yang telah diberikan pegawai-pegawai JAS dapat menggunakan sistem ini dalam usaha Jabatan meningkatkan lagi kualiti laporan EIA dan laporan audit.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JABATAN ALAM SEKITAR 2024



6 MEI 2025, PUTRAJAYA - Hari ini Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang menyaksikan seramai 112 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JAS bagi tahun 2024. Majlis ini turut meraikan 30 orang pesara yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dalam JAS.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dalam ucapannya turut menzahirkan bahawa dedikasi, disiplin dan integriti dalam pekerjaan akan sentiasa dikenang dan dihargai. Beliau turut mengharapkan kecemerlangan pegawai-pegawai ini dapat dikekalkan, dan dijadikan sebagai inspirasi kepada rakan-rakan sekerja yang lain.

Majlis turut dihadiri oleh semua Pengurusan Tertinggi Jabatan dan Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat dan Negeri-Negeri.



BENGGKEL PEMURNIAN BAGI CADANGAN PINDAAN PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX

8 MEI 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Bagi Cadangan Pindaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 20XX.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang mengkaji semula Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Beberapa Sesi Libat Urus dan Bengkel Cadangan Pindaan Aktiviti Yang Ditetapkan ke atas Perintah EIA 2015 bersama pihak agensi dan industri yang berkenaan telah diadakan bagi penyediaan Cadangan Pindaan Perintah EIA 20XX.

Bengkel Pemurnian Bagi Cadangan Pindaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 20XX yang dilaksanakan secara hibrid telah dihadiri oleh lebih 100 orang pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, agensi teknikal dan NGOs diharap dapat memberi pendapat dan maklumbalas mengikut kepakaran agensi masing-masing bagi membantu JAS memperkasakan Cadangan Pindaan Perintah EIA 20XX tersebut.

PERINTAH EIA 2015		CADANGAN PERINTAH EIA 20XX	SYOR JUSTIFIKASI JK SEMAKAN DAN PENGUBALAN PERUNDANGAN BERKAITAN EIA
Jadual Pertama	Jadual Kedua		
<p>1. PERTANIAN:</p> <p>(a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar untuk melabuhkan hutan kepada pengeluaran pertanian.</p> <p>(b) Pembangunan esat pertanian yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih yang melibatkan perubahan dalam jenis penggunaan pertanian.</p>	<p>1. PERTANIAN:</p> <p>(a) Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk melabuhkan hutan kepada pengeluaran pertanian.</p> <p>(b) Kawasan baru penternakan babi yang mempunyai sebanyak 2,000 populasi babi diwan atau lebih.</p>	<p>-AKTIVITI YANG DIGUGURKAN-</p> <p>-AKTIVITI YANG DIGUGURKAN-</p> <p>-AKTIVITI YANG DIGUGURKAN-</p>	<ul style="list-style-type: none"> Digugurkan kerana telah diambik di bawah cadangan AYDT yang Baharu iaitu aktiviti "PENGUBAHAN HUTAN" J1-1 (a) J2-1 (a) sedia ada telah termasuk dalam kategori aktiviti "PENGUBAHAN HUTAN" Polisi dan perundangan telah melabuhkan kawalan pencemaran daripada pertanian dan penternakan adakah di bawah: <ol style="list-style-type: none"> Jabatan Pertanian Malaysia; dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia Senarai enakmen dan ordinan yang berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> AKta Racun dan Makhuk Perosak 1974 Enakmen AKta Kuarantin Tumbuhan 1976 Senarai agensi yang terlibat untuk aktiviti perubahan dari penternakan ammenitan eranian dan Ketegaminan Nasionan (Jabatan Pertanian Malaysia; dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia Jabatan Pertanian telah mengeluarkan amalan baik pertanian dalam usaha mengawal aspek



SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA KEPADA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) KELANTAN

14 MEI 2025, KOTA BHARU, KELANTAN - Satu sesi kunjungan hormat oleh YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik Jabatan Alam Sekitar Malaysia, kepada YBrs. Encik Wan Zulfadhli Syahman bin Wan Yusof, Pengarah UPEN Kelantan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Rafflesia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kompleks Kota Darulnaim.

Hadir sama mengiringi adalah Pengarah JAS Negeri Kelantan, YBrs. Encik Wan Aminordin bin Wan Kamaruddin, pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri Kelantan.

Sesi kunjungan hormat ini bertujuan bagi penyelarasan awal Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 yang akan diadakan di Negeri Kelantan sebagai tuan rumah peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Hasil perbincangan ini akan diperincikan dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk HASN 2025 yang akan datang.




KUNJUNGAN HORMAT JABATAN ALAM SEKITAR KEPADA PENERUSI MAJLIS DEBAT UNIVERSITI MALAYSIA

15 MEI 2025, TERENGGANU - Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat kepada Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) bertempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang merupakan sekretariat MADUM bagi sesi 2025/2027.

Sesi kunjungan diketuai oleh Puan Hajah Azuri Azidah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS disambut oleh Professor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain (Pengerusi MADUM) yang merupakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam penganjuran Pertandingan Debat Alam Sekitar yang bakal dilaksanakan pada 20-22 Jun 2025 bertempat di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP). Perbincangan yang diadakan merangkumi aspek pelaksanaan, penglibatan Institusi Pendidikan Tinggi serta matlamat bersama dalam memupuk kesedaran dan kefahaman mendalam mengenai isu-isu alam sekitar melalui platform debat ilmiah.

Jabatan Alam Sekitar percaya bahawa kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada usaha memperkasa golongan mahasiswa sebagai agen perubahan dalam kelestarian alam sekitar negara.






Pemeriksaan tirai kelodak bagi di salah satu projek aktif di atas badan air



Sesi taklimat oleh Dive Master JAS



Peserta bersama dengan wakil penggerak projek di Pulau Pemanggil



Pemeriksaan hands on tirai kelodak di projek yang sedang aktif di Pulau Besar, Johor

Peserta menjalankan latihan pengambilan sedimen di dasar laut

PROGRAM PENGUKUHAN KEMAHIRAN PASUKAN SCUBA JAS

16 MEI 2025, MERSING - Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Pasukan Penyelam JAS pada 14 hingga 16 Mei 2025 melibatkan dua (2) buah projek EIA yang sedang aktif pembinaan di badan air di Pulau Besar dan Pulau Pemanggil, Johor Bahru.

Kursus yang dihadiri oleh 19 orang peserta yang terdiri daripada pegawai - pegawai JAS daripada Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat. Objektif utama kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli pasukan penyelam keadaan sebenar pemeriksaan di tapak projek yang melibatkan badan air. Selain itu, peserta juga mempraktikkan kaedah-kaedah teknikal untuk melaksanakan selaman bagi tujuan pemeriksaan tirai kelodak (silt curtain) dan juga pengambilan sampel sedimen di kawasan projek pembangunan mengikut Prosedur Operasi Standard Pasukan Penyelam JAS.

Dengan pendedahan sebenar di tapak projek EIA dan kemahiran yang diperolehi daripada kursus ini, ianya akan meningkatkan lagi kemahiran dan ilmu berkaitan teknik-teknik pemeriksaan apabila melakukan selaman kepada setiap ahli pasukan penyelam JAS.



Pemeriksaan hands on di projek yang sedang aktif di Pulau Besar, Johor

JABATAN ALAM SEKITAR KOMITED BANTERAS KEMASUKAN E-WASTE KE DALAM NEGARA

19 MEI 2025, SELANGOR - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar hari ini turut mengiringi YB Menteri NRES membuat pemantauan kontena di Pelabuhan Klang. Turut hadir pelbagai agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta SIRIM Berhad.

Statistik Pemeriksaan dan Tindakan Penguatkuasaan Buangan Terjadual Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 13 Mei 2025, JAS telah memeriksa sebanyak 179 kontena yang disyaki membawa e-waste. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 122 kontena (68%) telah ditahan dan disahkan membawa e-waste. Siasatan lanjut mendapati bahawa pengimport terlibat telah membuat pengisytiharan palsu.

Susulan itu, sebanyak 119 Notis Arahan telah dikeluarkan kepada syarikat pengimport di bawah Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, bagi tujuan pemulangan semula kontena ke negara asal. Tindakan ini adalah selaras dengan prosedur di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentasi Sempadan Sisa Berbahaya dan Pelupusannya, yang mewajibkan semua pergerakan rentas sempadan buangan terjadual sama ada untuk import, eksport, transit atau transshipment mendapat kebenaran bertulis daripada JAS terlebih dahulu.

Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau syarikat yang melanggar peruntukan undang-undang sedia ada. Di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebarang penempatan, peletakan atau pelupusan buangan terjadual di darat atau ke dalam perairan Malaysia tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar merupakan kesalahan serius dan boleh dikenakan denda maksimum RM10 juta atau penjara sehingga 5 tahun, jika sabit kesalahan. Selain itu, agen dan syarikat perkapalan yang gagal mematuhi prosedur pengimportan turut boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 43 Akta yang sama.

Sebagai negara parti kepada Konvensyen Basel, Rotterdam dan Stockholm (BRS), Malaysia komited sepenuhnya untuk menunaikan tanggungjawab antarabangsa dalam membanteras kemasukan sisa secara haram merentasi sempadan.

Tindakan melaporkan aktiviti mencurigakan, termasuk kewujudan kilang kitar semula sisa haram, amat membantu pihak berkuasa dalam membanteras perbuatan yang mencemarkan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan awam. Setiap aduan yang disalurkan membolehkan siasatan dan tindakan segera diambil oleh pihak berwajib. Orang ramai digalakkan untuk membantu dengan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar melalui Talian bebas tol: 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan di <https://eaduan.doe.gov.my>.



**KOLEKSI GAMBAR JABATAN ALAM SEKITAR
KOMITED BANTERAS KEMASUKAN E-WASTE KE DALAM NEGARA**



PROGRAM BICARA BERSAMA PENULIS SEMPENA JOM BACA
10 MINIT DAN SAMBUTAN HARI IBU TAHUN 2025

23 MEI 2025, PUTRAJAYA – Perpustakaan Enviro@JAS telah menganjurkan Program Bicara bersama Penulis sempena Jom Baca 10 Minit dan Sambutan Hari Ibu 2025 dengan Kerjasama PUSPANITA Jabatan Alam Sekitar. Program ini telah menampilkan dua (2) orang penulis iaitu Puan Nur Suhaila binti Ahmad Sanusi atau lebih dikenali sebagai Ummi Bella dan Puan Mimi Azlina binti Razali atau nama pena nya Mama Mimi. Program ini mengetengahkan buku terbaharu mereka bertajuk 'Ibu Tidak Keseorangan'.

Perkongsian mengenai penulisan buku ini telah disampaikan di dalam bentuk bual bicara bersama para peserta yang sarat dengan emosi. Penulisan buku ini juga menyuntik kefahaman tentang sabar, redha, tawaduk, muraqabah, hikmah dan juga muhasabah dalam mendidik dan membesarkan anak-anak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik merangkap Pengerusi PUSPANITA JAS, YBr. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon yang telah menyampaikan ucapan aluan dan bersama-sama di dalam program ini.

Jutaan terima kasih kepada penulis dan semua pegawai diatas kesudian melapangkan masa untuk menghadiri dan memeriahkan program ini.





PERASMIAN PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN PENERANG DAN PASIR GUDANG

27 MEI 2025, JOHOR - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, hari ini telah merasmikan dua buah pejabat baharu Jabatan Alam Sekitar (JAS), iaitu Pejabat JAS Cawangan Penerang dan Pejabat JAS Cawangan Pasir Gudang.

Kejayaan menyiapkan dan menaik taraf bangunan pejabat ini adalah hasil komitmen serta kerjasama pelbagai pihak. Pada tahun 2025 ini, kedua-dua pejabat telah berjaya dinaik taraf bukan sahaja dari segi prasarana fizikal, malah turut dilengkapi dengan aset dan kelengkapan pejabat yang lengkap serta menepati keperluan semasa operasi lapangan.

Penubuhan pejabat-pejabat yang lebih moden dan lengkap ini mencerminkan iltizam JAS untuk terus bergerak seiring dengan keperluan negara dan kehendak masyarakat. Ia juga menjadi simbol kesiapsiagaan jabatan dalam menghadapi cabaran alam sekitar masa kini serta menyokong aspirasi negara ke arah pembangunan mampan.



PERASMIAN PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN KLUANG



28 MEI 2025, JOHOR - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, telah merasmikan pejabat baharu Jabatan Alam Sekitar (JAS), iaitu Pejabat JAS Cawangan Kluang. Jabatan percaya bahawa infrastruktur pejabat yang baik perlu disokong dengan kelengkapan yang mencukupi dan sesuai, supaya penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

JAS sebagai agensi utama yang menggalas tanggungjawab besar dalam perlindungan alam sekitar negara, adalah amat penting dalam memastikan bahawa setiap cawangan jabatan dilengkapi dengan kemudahan dan prasarana yang dapat meningkatkan daya tindak serta kapasiti pengurusan isu-isu alam sekitar di peringkat akar umbi.





PELUNCURAN PROGRAM KAMPUS LESTARI JABATAN ALAM SEKITAR MENYASARKAN KETERLIBATAN IPT SELURUH MALAYSIA



29 MEI 2025, USM - YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dengan diiringi Ketua Pengarah Alam Sekitar Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, telah merasmikan peluncuran Program Kampus Lestari Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) Jabatan Alam Sekitar.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut menyasarkan tahun 2025 dan 2026 sebagai tahun promosi dan pendaftaran penyertaan KLAAS, dengan pelaksanaan empat (4) siri jerayawara yang akan diadakan di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2025. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh kesedaran dan penyertaan IPT dalam program ini, serta memperluas capaian dan kefahaman terhadap keperluan pengurusan lestari kampus.

Pelaksanaan KLAAS merupakan bukti usaha berterusan kerajaan dalam membudayakan pendidikan lestari serta memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan generasi muda, ke arah melahirkan warga kampus yang bertanggungjawab dan berdaya tahan terhadap cabaran masa hadapan.

Turut hadir, YBrs. Encik Abd Shukor Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif YPASM dan YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor USM dalam majlis peluncuran pada hari ini.

Program pada hari ini yang dilaksanakan bersekali dengan Siri Jelajah Kelestarian Alam ini telah dihadiri oleh lebih 250 peserta dan jemputan yang terdiri daripada pelajar USM, peserta KLAAS (yang terdiri daripada Pegawai KPT, Pegawai KPM dan pensyarah-pensyarah IPT zon utara), serta wakil daripada pihak pengurusan tertinggi NRES, YPASM, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan USM sendiri.



SESI LIBAT URUS PROGRAM KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON UTARA DAN MAJLIS PELUNCURAN KLAAS



28-29 MEI 2025, PULAU PINANG – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan jerayawara iaitu Sesi Libat Urus Program Kampus Lestari – Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) Zon Utara bertempat di Fifth Avenue Hotel, Georgetown. KLAAS merupakan inisiatif JAS dalam usaha membudayakan amalan kelestarian dalam persekitaran Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pemeraksanaan peranan warga kampus. Program KLAAS diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada IPT yang menunjukkan komitmen dan prestasi cemerlang dalam aspek kelestarian kampus. Pelaksanaan KLAAS melibatkan Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sesi libat urus ini dihadiri oleh seramai 50 orang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan wakil-wakil IPT di negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Penganjuran ini merupakan kerjasama JAS dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Libat urus ini dirasmikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Bahagian Komunikasi Strategik, JAS bertujuan sebagai aktiviti promosi dan penyebaran maklumat kepada pihak berkepentingan iaitu KPT, KPM dan semua IPT di Zon Utara bagi pelaksanaan KLAAS ini.

Seterusnya Majlis Peluncuran KLAAS yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) telah dirasmikan oleh Datuk Dr. Ching Too a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) pada 29 Mei 2025 bersempena Program Jelajah Kelestarian USM 2.0 dengan kerjasama agensi Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan USM. Majlis turut dihadiri oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS dan Haji Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS. Pihak USM turut memberikan perkongsian amalan kelestarian USM di dalam majlis ini yang disampaikan oleh Dr. Normaliza binti Abdul Manaf, Penyelaras Unit Kampus Sejahtera, Bahagian Jaringan Komuniti dan Masyarakat, USM.

Pihak kementerian berharap agar KLAAS dapat menjadi satu penanda aras kepada gerakan kampus lestari di seluruh negara, dan pada masa yang sama memupuk budaya tanggungjawab alam sekitar dalam kalangan warga IPT. Komitmen berterusan daripada semua pihak sangat diharapkan bagi memastikan impian ke arah Malaysia yang lebih hijau dan lestari dapat direalisasikan. Semoga usaha ini menjadi titik permulaan kepada transformasi kampus yang lebih mampan dan mesra alam.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP) BILANGAN 1 TAHUN 2025

9 JUN 2025, PUTRAJAYA - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bil. 1 Tahun 2025 telah diadakan pada 9 Jun 2025 sebagai usaha berterusan kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam menangani isu dan insiden bencana pencemaran alam sekitar (jerebu). Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan tindakan pelbagai agensi dalam merangka pendekatan bersepadu yang lebih efektif.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bencana Pencemaran (JPBP) telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi JPBP. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, yang turut membentangkan status terkini kualiti udara negara dan perkembangan semasa pengurusan pencemaran oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk:

- Menilai semula status semasa kesiapsiagaan dan keupayaan pengurusan bencana pencemaran di peringkat kebangsaan;
- Membincangkan pelaksanaan pelan tindakan bencana pencemaran yang telah dirangka oleh agensi-agensi teknikal yang berkaitan;
- Meningkatkan koordinasi antara agensi penguatkuasaan, teknikal dan badan-badan sokongan dalam menangani insiden pencemaran merentas sektor; dan
- Memperkemas prosedur operasi standard (SOP) inter-agensi dalam menghadapi bencana seperti tumpahan bahan kimia, pencemaran air dan udara berskala besar

BENGGEL PANEL HAKIM PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KE-31 TAHUN 2025



11 JUN 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) telah menganjurkan Bengkel Panel Hakim Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT Ke-31 Tahun 2025 bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya. Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara IPT ini merupakan acara tahunan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), MADUM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dengan adanya kesinambungan program ini, dapat membuktikan komitmen dan keprihatinan pelajar-pelajar serta pihak pengurusan IPT dalam menangani isu alam sekitar semasa. Debat Alam Sekitar merupakan program yang konsisten serta menjadi rekod debat intervarsiti Bahasa Melayu yang tertua di negara ini.

Bengkel panel hakim merupakan kesempatan bagi para hakim untuk memahami format debat yang akan digunakan dalam pertandingan. Mereka dapat mempelajari tentang tata cara debat, peranan pasukan pendebat, durasi waktu dan kriteria penilaian yang akan digunakan. Dengan memahami perkara ini, panel hakim akan dapat memberikan penilaian yang lebih adil dan tepat sesuai dengan panduan yang telah ditetapkan.

Dengan menghadiri bengkel, panel hakim memiliki kesempatan untuk berbincang dan membentuk kriteria penilaian yang konsisten. Ini penting bagi memastikan bahawa semua pasukan pendebat dinilai dengan cara yang sama, sehingga tidak ada peluang berat sebelah dan memastikan keadilan dalam penilaian di samping memperdalam pemahaman mereka tentang topik debat yang spesifik bagi memastikan mereka dapat menilai hujah dengan lebih tepat dan memberikan komen yang lebih bermanfaat kepada pendebat.

Bengkel panel hakim ini dihadiri oleh hakim-hakim yang terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi JAS, MADUM, DBP dan PETRONAS. Bengkel ini dirasmikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat dan turut dihadiri oleh Setiausaha MADUM, Encik Wan Mohamad Khairi bin Wan Zamzuri yang mewakili Pengerusi MADUM. Slot ceramah telah disampaikan oleh wakil JAS, MADUM dan DBP.

JAS mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penceramah atas kesudian mereka untuk menyampaikan ceramah mereka serta berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman. Syabas kepada semua kerana bersama-sama menjayakan dan memastikan program ini bertahan dan terus kekal relevan.





MESYUARAT
PENGARAH-PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
BIL 2/2025



16 - 19 JUN 2025, KUALA LUMPUR - Mesyuarat Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar Bil 2/2025 telah diadakan di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur. Mesyuarat yang menghimpunkan pengarah-pengarah daripada Ibu Pejabat dan Negeri merupakan platform terbaik dalam membincangkan dan menyelaraskan perkara-perkara melibatkan Jabatan. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar turut membuat beberapa ketetapan berhubung beberapa perkara di bawah bidang kuasa Jabatan. Antara lain Ketua Pengarah turut menekankan kepentingan untuk memperkasakan sistem penyampaian melalui penambahbaikan berterusan dan kepentingan menyelesaikan setiap isu atau permasalahan secara bijaksana dan mengikut aturan dan peraturan semasa.

PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI KE-31



23 JUN 2025, PERAK - Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Kali Ke-31 anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti (MADUM) yang berlangsung di Universiti Petronas Malaysia (UTP), menyaksikan Universiti Malaya dinobatkan sebagai juara pertandingan dan naib juara pertandingan pula dimenangi oleh UTP.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Nor Yahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dengan diiringi oleh Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Sebanyak 28 pasukan dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh negara telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang mengetengahkan perbahasan kritis pengurusan dan isu-isu alam sekitar terkini, bidangkuasa kerajaan persekutuan dan negeri, penguatkuasaan dan perundangan alam sekitar termasuklah pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Dalam ucapannya, Datuk Nor Yahati menegaskan bahawa pertandingan ini seiring dengan aspirasi negara dalam menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) antaranya di bawah SDG 4 melalui Pendidikan Berkualiti. Beliau berkata:

“Pendedahan awal kepada wacana ilmiah sebegini bukan sahaja merangsang pemikiran kritikal dalam kalangan mahasiswa, malah turut menyemai nilai tanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar. Hal ini secara langsung menyokong usaha mewujudkan masyarakat yang lebih cakna, lestari dan berdaya tahan terhadap cabaran alam sekitar.

Penganjuran pertandingan seumpama ini bukan sahaja menjadi medan intelektual, tetapi juga platform penting dalam menyampaikan mesej bahawa kelestarian alam sekitar adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan aktif pelbagai pihak termasuk kerajaan, swasta, institusi akademik dan masyarakat umum.

Turut hadir ke pertandingan akhir ini ialah Dato' Ir Ts Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, Provos, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Profesor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Terengganu merangkap Pengerusi MADUM dan Encik Zamri bin Japar, Naib Presiden, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti Dan Alam Sekitar Kumpulan PETRONAS.

KOLEKSI GAMBAR SEMASA PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI KE-31




BIL.44/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

WASTEWATER ORGANISMS

A Color Atlas



Wastewater Organisms contains 210 high-quality full-color micrographs to help you identify organisms found in sewage and sludge. These photos provide the maximum level of detail and will help you better understand the form and dimension of the organisms. Subjects depicted in the micrographs include bacteria, eggs, amoeba, parasitic protozoa, tardigrada (water bears), rotifers, ciliates, parasitic helminths, pollen grain, free-living nematodes, algae, flagellates, and more.



MORE INFO: 03 -8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

BIL.45/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Writing and Designing Manuals

A survival guide for writers in the real-world, **Writing and Designing Manuals, Third Edition** has become a standard reference for technical writers and editors. Readable and practical, it addresses all aspects of manual development from choosing a format to writing effective warnings.



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

BIL.42/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

PLANT BREEDING REVIEW

Plant Breeding Reviews presents state-of-the-art reviews on plant genetics and the breeding of all types of crops by both traditional means and molecular methods. Many of the crops widely grown today stem from a very narrow genetic base; understanding and preserving crop genetic resources is vital to the security of food systems worldwide


More Info : 03 -8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

BIL.43/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

CELEBRATE YOUR MISTAKES

And 77 Other Risk-Taking, Out-Of-The-Box Ideas from Our Best Companies



The book advocates for taking risks and embracing "out-of-the-box" thinking, arguing that successful companies are those that can adapt and innovate. It provides practical advice, exercises, and case studies to help organizations learn from past errors and avoid repeating them


MORE INFO : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL.40/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Spatial Analysis

Statistics, Visualization, and Computational Methods



An introductory text for the next generation of geospatial analysts and data scientists, *Spatial Analysis: Statistics, Visualization, and Computational Methods* focuses on the fundamentals of spatial analysis using traditional, contemporary, and computational methods. Outlining both non-spatial and spatial statistical concepts, the authors present practical applications of geospatial data tools, techniques, and strategies in geographic studies.

MORE INFO : 03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

BIL.41/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Basic Presentation Skills


Basic Presentation Skills is a practical handbook for public speakers, trainers, or anyone required to prepare and make a presentation. Unlike most books on presentation skills, the writing and organization are exceptionally simple and clear, and dozens of illustrations throughout the book help give a fun, relaxed feeling to a topic that can be extremely stressful.

MORE INFO :
03 - 89 26 1500
www.eimas.doe.gov.my

BIL.38/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Air Pollution Control Technology Handbook



In the debate over pollution control, the price of pollution is a key issue. But which is more costly: clean up or prevention? From regulations to technology selection to equipment design, *Air Pollution Control Technology Handbook* serves as a single source of information on commonly used air pollution control technology. It covers environmental regulations and their history, process design, the cost of air pollution control equipment, and methods of designing equipment for control of gaseous pollutants and particulate matter.


MORE INFO : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL.39/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

SUCCESS THROUGH TEAMWORK


A Practical Guide to Interpersonal Team Dynamics



A team is only as successful as the individuals who make up the group. By using the techniques detailed in this guidebook, managers, leaders, and team members will understand the importance of interpersonal skills, conflict resolution, and positive motivation to optimize a team's performance.

MORE INFO : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my


BIL.35/2025



Embracing The Knowledge Culture

Understanding Knowledge, Putting It Into Practice

This book does not set out to provide new definitions or dimensions concerning knowledge culture, instead, it gathers views and dimensions related to the concepts, values and application of knowledge to enhance the knowledge culture at universities, specifically, this book serves as a guide for undergraduates in the quest to instill and encourage further the practice of knowledge culture in their lives.





PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL @EiMAS
03 -8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL.37/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Self-directed work teams a primer

Empowerment is essential! Self-directed work teams create an environment that empowers employees to contribute to the improvement of products and services. In the face of this challenge, employees experience greater opportunities and greater satisfaction. And they do a better job!


MORE INFO :
03 -8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.31/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Global Climate Change and Cold Regions Ecosystems

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11041>




Global Climate Change and Cold Regions Ecosystems provides information on soil processes and the carbon cycle in cold ecoregions as well as the soil carbon pool and its fluxes in the soils of cold ecoregions. Filling a void in this area of soil science, this resource explains soil processes influencing C dynamics under natural and disturbed ecosystems. The soils of the cold region ecosystems serve as a net sink of atmospheric C. However, an increase in global temperature could render them a net source.

More Info: 03 -8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL.33/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Remediation of Petroleum Contaminated Soils



This book combines the results of current research with essential background material to provide complete, in-depth coverage of every aspect of in situ and ex situ bioremediation, as well as an extensive overview of the physical and chemical processes currently available for treating petroleum-contaminated soils.

More Info ▶ 03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil. 28 / 2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Process Modeling, Simulation, and Environmental Applications in Chemical Engineering

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/kdha/opac-detail.pl?biblionumber=17958>

New and original research on various topics on chemical engineering and technology is presented on modeling and simulation, material synthesis, wastewater treatment, analytical techniques, and microreactors. The research presented here can be applied to technology in food, paper and pulp, polymers, petrochemicals, surface coatings, oil technology aspects, among other uses.

MORE INFO : 03 - 8956 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil. 29 / 2025

PERUSTAKAAN ENRO DIGITAL@EIMAS

PRINCIPLES OF MEMBRANE BIOREACTORS FOR WASTEWATER TREATMENT

Principles of Membrane Bioreactors for Wastewater Treatment?describes the state-of-the-art of MBR technology, principles of MBR and design and operation of plants. Membrane bioreactor (MBR) technology is a wastewater treatment method combining biological pollutant treatment with physical membrane separation. It has gained increasing commercial significance over the last decade, with applications in municipal and industrial wastewater treatment.




MORE INFO : 03 - 8926 1500 | WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

Bil. 24 / 2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Basic Laboratory Procedures for Wastewater Examination

This revised second edition is a valuable resource for anyone preparing to become certified as an ophthalmic assistant. With over 650 exam-style questions and explanatory answers, illustrations and photographs, this user-friendly text is useful for both learning and reviewing important eye care topics. Subjects include taking a patient history, lensometry, measuring intraocular pressure, understanding optics, and much more. This edition is also helpful for students and others studying for certification in optometry, contact lenses and opticianry.




More Info : 03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil. 26 / 2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Natural and Enhanced Remediation Systems

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11597>



Building on the success of bioremediation and phytoremediation technologies, Natural and Enhanced Remediation Systems explores remediation techniques that use the beneficial effects provided by Mother Nature. Written by a leader in the industry, the book provides state-of-the-art information on natural and enhanced remediation techniques such as monitored natural attenuation, in situ reactive zones, bio-augmentation, in situ chemical oxidation, phytoremediation, constructed wetlands, and engineered phyto-covers.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA @ EIMAS
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

**Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**



**Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700**



OUR ENVIRONMENT!

F H X S A R O U N E K Y J F O L D M
 Y A E V X I D W A K F E E N X O E Z
 G L O B A L W A R M I N G N Y S P M
 F I D M T F I R E C Y C L E G H L L
 C L I M A T E C H A N G E U E D S F
 D E F O R E S T A T I O N E N L U L
 E N D A N G E R E D S P E C I E S O
 P E A F I F N E D D P W N E D X E O
 R E N E W A B L E R U A C Q R R R D
 M Q R N A I L N E O Y S R E U S E F
 F W C E R U Z E E U Z T E E A U U F
 C F X V C F L I V G S E U Q E R Y U
 P O L L U T I O N H Z E T S Y F J N
 C U C A Q O L X I T O L J P L Q E O
 D A M A G E Z M Y I O U E A R T H H
 A O K X A T B X M N O U N P F E O F

Renewable
 Earth
 Recycle
 Reuse
 Oxygen

Fire
 Damage
 Endangered Species
 Deforestation
 Climate Change

Drought
 Global Warming
 Flood
 Waste
 Pollution





Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

